

BAB 5

KESIMPULAN DAN SARANAN


5.1 Pengenalan

Kajian terhadap Lembaga Zakat Selangor selaku amil dan penelitian terhadap struktur pentadbiran amil di Lembaga Zakat Selangor telah memberikan pendedahan lengkap maklumat-maklumat berkaitan operasi dan kemampuan sebenar institusi zakat moden. Usaha meraih kutipan maksimum dan pengagihan zakat yang berkesan bernilai beratus juta ringgit bukanlah sesuatu kerja urustadbir yang mudah. Malah usaha ini memerlukan dokongan daripada pihak kerajaan dan sokongan masyarakat Islam secara bersama demi kebajikan umat Islam khususnya para asnaf. Dalam bab ini penulis menyenaraikan beberapa dapatan dan kesimpulan yang diperolehi hasil analisa dan rumusan sepanjang kajian. Bab ini turut mengandungi beberapa cadangan kepada Lembaga Zakat Selangor.

5.2 Kesimpulan

5.2.1 LZS berjaya melaksanakan tanggungjawabnya di sisi syarak sebagai amil yang pengumpul/pengutip zakat dengan rekod cemerlang berdasarkan statistik dan laporan tahunan yang menunjukkan peningkatan berterusan saiz dana

zakat dari tahun ke tahun¹ selaras dengan fungsi asasi amil iaitu sebagai pengutip zakat. Bertepatan dengan firman Allah :



Bermaksud : ambillah daripada harta mereka itu menjadi sedekah(zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (akhlak yang buruk), dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka, dan Allah itu Maha mendengar lagi Maha Mengetahui. (At-Taubah 9: 103)

Kejayaan ini turut diukur dengan pertambahan jumlah individu yang pembayar zakat.² LZS juga didapati mengamalkan ritual mendoakan pembayar zakat apabila pembayar zakat menunaikan zakat secara manual di kaunter-kaunter zakat dan ini selari dengan firman Allah yang tersebut tadi yang memerintahkan amil mendoakan pembayar zakat.³

5.2.2 Lembaga Zakat Selangor telah mencapai objektifnya sebagai pengagih zakat dengan berkesan. Bertepatan dengan hadith Rasulullah s.a.w :

¹ Peningkatan kutipan berterusan bermula pada 1995 dengan kutipan sebanyak RM15,895,317.89 meningkat kepada RM50,875,298.54 pada 2000 dan terus meningkat pada 2005 sebanyak RM133,156,386.00. Sumber : Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2005, h. 68.Sila rujuk Lampiran 7, Statistik Nilai Kutipan 10 Tahun LZS 1995-2005.

² Sumber : Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2006, h. 49.Sila rujuk Lampiran 8, Statistik Perbandingan Jumlah Pembayar Zakat (Zakat Fitrah dan Zakat Harta).2005-2006.

³ Temuramah dengan Temuramah dengan Tuan Haji Khairul Azhan Amat, *Pegawai Kutipan*, Kaunter Zakat Subang Jaya, Lembaga Zakat Selangor pada 30 Jun 2007 jam 5 petang.

asnaf dan mentaksir zakat. LZS tidak menjalankan yang lain dari semua tugas-tugas tersebut. Misalnya, LZS sebagai amil telah melaksanakan polisi untuk tidak melaburkan dana zakat sedia ada demi mengelakkan tanggapan serong masyarakat yang bimbang penyalahgunaan dana zakat dan risiko kerugian ketika membuat pelaburan⁸. LZS lebih bersedia untuk kekalkan fungsinya sebagai ejen kutipan dan agihan semata-mata di atas kapasiti pemegang amanah dan bukan pengurus dana meskipun terdapat pandangan daripada ilmuan Islam kontemporari seperti Yusof al-Qaradawi yang menyarankan agar dana zakat dilaburkan.⁹

5.2.4 Komitmen LZS sebagai institusi amil sentiasa meningkat dan tidak statik dari tahun ke tahun dengan pertambahan jumlah pekerja¹⁰, pertambahan cawangan¹¹ dan penyediaan kemudahan pembayaran zakat melalui perlantikan pembantu amil yang terdiri daripada bank-bank komersil dan pejabat-pejabat pos di samping mempelopori kaedah pembayaran zakat menerusi talian *online* dan khidmat SMS. Ini menjadi model pengurusan organisasi kepada institusi agama seperti Baitulmal mahupun institusi zakat yang lain.

⁸ Temuramah dengan Mohd Farizan Subhi, *Eksekutif Dakwah*, Jabatan Dakwah dan Kutipan, Lembaga Zakat Selangor di pejabat LZS Shah Alam pada 3 Ogos 2007 jam 3 petang.

⁹ Mohammad 'Uthman Shibr (2000), *Abhath Fiqhiyyah fi Qadaya al-Zakat al-Muasarah*, j. 2, c.3, Amman: Dar al-Nafais, h.43.

¹⁰ Penubuhan LZS dengan hanya 8 orang pekerja pada 1994 dan telah bertambah kepada 180 orang pada 2006. Sumber : Portal Lembaga Zakat Selangor (LZS). www.e-zakat.gov.my, diakses pada 28 Mei 2007.

¹¹ Berdasarkan Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2002, h. 42, Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2005, h. 63 dan Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2006 h. 53.

5.2.5 LZS sentiasa cuba mengoptimalkan kutipan melalui pelbagai variasi kaedah pemasaran moden. Di samping masih mengekalkan medium dakwah konvensional seperti khutbah jumaat, ceramah, syarahan agama dan forum. LZS menggunakan sepenuhnya wasilah dan teknologi dalam meluaskan pasaran dan meningkatkan capaian pelanggan seperti pengiklanan moden menerusi media cetak, elektronik dan digital¹². Contohnya di suratkhbar-suratkhbar arus perdana, majalah, radio & televisyen, portal dan laman web di internet, papan-papan tanda gergasi dan melalui kaedah mengutus surat/majalah/cenderamata/kad Hari Raya sebagai tanda penghargaan kepada pembayar zakat.

5.2.6 Perlantikan pembantu amil sebagai istilah kepada pihak-pihak yang membantu LZS mengutip zakat merupakan satu inovasi dalam pengurusan zakat kerana ia menimbulkan isu yang berkaitan hak pembantu amil dan kesahan akad berzakat. Keputusan LZS memberikan upah sebanyak lima peratus¹³ kepada pembantu amil dianggap wajar berdasarkan khidmat yang diberikan oleh mereka. Manakala pengeluaran fatwa yang mengharuskan pembayaran zakat menerusi internet dan SMS adalah berpunca daripada situasi yang dihadapi oleh pembantu amil. Ini menambahkan satu lagi koleksi perbendaharaan fiqh semasa.

¹² Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2006, h. 17.

¹³ Temuramah dengan Haji Mohd Helmi Ahmad, *Ketua Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan*, Akademi Zakat Selangor, Lembaga Zakat Selangor pada 28 Mei 2007 di pejabat LZS Klang jam 10 pagi.

5.2.7 Sebelum 1993, institusi zakat diurus bahagian Baitulmal dan Zakat di bawah kuasa Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Bahagian ini bergerak dalam ruang kerja dan bidang kuasa yang terhad dan tumpuan utama hanyalah dari segi kutipan zakat fitrah dan zakat pertanian¹⁴. Bahagian ini turut berperanan mengagihkan zakat kepada asnaf yang biasanya difokuskan kepada fakir miskin. Penubuhan Lembaga Zakat Selangor (LZS) yang diurus secara profesional melalui konsep korporat telah berjaya meningkatkan keberkesanan agihan dan pungutan zakat secara mendadak. Ini merupakan satu justifikasi penting perubahan pentadbiran amil tradisi kepada amil korporat.

5.2.8 Lembaga Zakat Selangor selain melaksanakan fungsinya menurut syarak, ia juga turut melaksanakan tanggungjawabnya sosialnya terhadap komuniti Islam dengan berkesan bersama dengan agensi-agensi lain dalam membuat kerja-kerja kebajikan dan pemberian sumbangan kepada golongan-golongan yang memerlukan. Ini memberikan imej yang positif yang lebih luas terhadap peranan zakat dalam pembangunan negara.

5.2.9 Kewujudan LZS memenuhi tuntutan *Maqasid Shari'ah* dalam memelihara *Daruriyat, Hajiat dan Tahsiniyat* umat Islam. Ini dapat dibuktikan menerusi aktiviti dan program-program pembangunan LZS apabila golongan yang memerlukan dibantu dengan pelbagai insentif, sokongan seperti kemudahan

¹⁴ Haji Isa Wardi, *Ketua Unit Pusat Komuniti*, Jabatan Pembangunan Asnaf, Lembaga Zakat Selangor pada 28 Mei 2007 pada jam 10 pagi di pejabat LZS Klang yang merupakan kakitangan asal Bahagian Zakat MAIS sebelum penubuhan LZS.

asas sehinggalah bantuan memulakan perniagaan¹⁵ demi kelangsungan mereka meneruskan kehidupan yang sempurna dan diredhai Allah.

5.2.10 LZS sebagai institusi amil moden yang membawa perubahan urus tadbir zakat kepada pendekatan korporat diurus secara profesional oleh amil-amil yang terlatih dan berkelayakan khususnya dalam bidang perakaunan, pengurusan dan pemasaran berjaya meraih keyakinan umat Islam untuk membayar zakat dalam jumlah yang besar mencapai nilai berjuta-juta ringgit.

5.2.11 Pekerja yang berkhidmat di pejabat dan kaunter rasmi Lembaga Zakat Selangor adalah dianggap sebagai amil sepenuh masa. Mereka tertakluk kepada undang-undang syarikat. Mereka dikawal dan diselia secara profesional dan diberikan gaji berdasarkan kelayakan, gred dan bidang tugas masing-masing. Justeru, kakitangan di institusi zakat merupakan pekerja dan dalam masa yang sama adalah amil secara individu yang memikul tanggungjawab ummah secara langsung. Mereka ini perlu memiliki beberapa kriteria dan memiliki syarat-syarat asas menjadi amil. Justeru, kod etika kakitangan LZS berdasarkan kepada dua kombinasi iaitu ditujukan kepada pekerja syarikat dan kepada individu amil.¹⁶

¹⁵ Sumber : Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2006, *op.cit.*h. 61.

¹⁶ Terma Kakitangan Lembaga Zakat Selangor, *op.cit.*, h.55.

5.2.12 Imbuan kepada amil zakat di LZS dan kos-kos operasi masih berada dalam lingkungan $1/8$ ¹⁷ dari keseluruhan kutipan dalam waktu yang sama kutipan zakat terus meningkat dari tahun ke tahun dijangkakan akan menjadikan imbuan amil di LZS lebih menarik daripada sektor awam¹⁸ sekaligus menambahkan motivasi kepada mereka untuk bekerja dengan lebih kuat.

5.2.13 LZS sebagai amil yang tidak berkuasa mengenakan penalti atau hukuman kepada mereka yang enggan membayar zakat. Ini berbeza dengan kuasa amil era Nabi SAW dan Sahabat RA. Kuasa itu adalah di bawah bidangkuasa Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Selangor. Oleh itu LZS masih kekal dengan usaha-usaha yang berhikmah dan lembut dalam kempennya terhadap pembayar zakat.

5.3 Cadangan dan Saranan

5.3.1 Lembaga Zakat Selangor sebagai amil perlu sentiasa bersedia menyerap segala bentuk pembaharuan yang positif dari masa ke semasa demi meningkatkan kualiti dan kecekapan operasi.

¹⁷ Upah amil berjumlah RM18.5 juta berbanding kutipan keseluruhan RM 159.934,013.00 pada 2006
Sumber : Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2006, h. 52.

¹⁸ Sebagai perbandingan bonus dua bulan gaji bagi kakitangan bukan eksekutif berbanding sektor awam bonus sebulan gaji pada 2007 menunjukkan kemampuan kewangan LZS membayar upah pekerja lebih baik sedikit daripada kerajaan sungguhpun nisbah pembayaran wang zakat kepada amil tidak melebihi $1/8$ daripada keseluruhan kutipan. Ini menurut Haji Khairul Azhan Amat, *Pegawai Kutipan Zakat*, temubual dibuat pada 23 April 2008, bertempat di pejabat LZS cawangan Cheras di Wisma Dato' Lope, Cheras, jam 5.10 petang.

- 5.3.2 Lembaga Zakat Selangor wajar meneroka pelbagai kaedah baru di dalam meningkatkan kutipan dan meluaskan pasaran. Antaranya: memberi peluang kepada orang persendirian yang berkelayakan melakukan pengiraan zakat menjadi ejen bebas bertauliah yang bertindak seperti seorang broker atau ejen yang turut memberi penerangan dan konsultasi kepada pembayar zakat dan mereka ini layak menerima komisen sebagai seorang ejen sebagaimana ejen takaful dengan syarat-syarat yang khusus.
- 5.3.3 Lembaga Zakat Selangor sebagai amil perlu bersikap lebih terbuka dan kreatif dalam menguruskan dana zakat termasuk usaha melaburkan dana zakat di dalam industri-industri yang mampu memberikan peluang pekerjaan kepada asnaf selain daripada program pembangunan ekonomi sedia ada yang menyerahkan dana zakat kepada asnaf untuk melaburnya sendiri. (Dengan pemantauan LZS).
- 5.3.5 Menghantar pegawai penerangan dan kutipan dengan lebih kerap ke pejabat-pejabat kerajaan dan agensinya, syarikat-syarikat swasta dan premis-premis perniagaan Muslim untuk meningkatkan lagi jumlah kutipan khususnya di kawasan bandar dengan syarat-syarat yang khusus.
- 5.3.6 Melantik wanita menjadi pembantu amil zakat fitrah bagi memudahkan pembayar zakat dari kalangan wanita terutama di kawasan luar bandar.